

1.0 PENGENALAN

1.1 Tujuan

Garis panduan tadbir urus Anak Syarikat ini adalah berhubung pengurusan dan pentadbiran anak-anak syarikat Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan subsidiarinya bagi memastikan ia melaksanakan fungsinya sebagaimana yang disasarkan oleh pihak berkuasa UTM.

Garis panduan ini akan mengandungi sumber rujukan berhubung sumber dan punca kuasa, pengurusan dan pentadbiran, jenis program yang dibenarkan, sumber kewangan, penggunaan aset, kemudahan dan perkhidmatan Universiti, sistem kawalan dan pemantauan, penjanaan pendapatan, manfaat kepada UTM dan komuniti dan perkara-perkara lain yang berkaitan.

1.2 Sumber Rujukan

Garis panduan ini disediakan berdasarkan kepada peraturan dan arahan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Kewangan Malaysia (Perbadanan) dan serta peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh UTM dan mana-mana pihak yang berkuasa bagi menentukan sesuatu peraturan yang berkaitan dengan kewangan dan perakaunan Universiti.

1.3 Tarikh Kuat Kuasa

Garis Panduan ini berkuat kuasa mulai 18 Jun 2019.

2.0 TAFSIRAN

2.1 *UTM* merujuk kepada Universiti Teknologi Malaysia.

2.2 *Lembaga* merujuk kepada Lembaga Pengarah Universiti.

Garis Panduan Tadbir Urus Anak Syarikat

- 2.3 *Pegangan atau penyertaan ekuiti* merujuk kepada pegangan saham syarikat secara langsung atau tidak langsung
- 2.4 *Syarikat ertinya* syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2016 atau mana-mana peraturan yang diperuntukkan.
- 2.5 *Syarikat Induk (Holding Company)* ertinya merujuk kepada syarikat utama UTM yang ditubuhkan selaras dengan keputusan UTM bagi menjalankan kuasa dan aktiviti UTM, dan berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia selaras dengan Akta Syarikat 2016, di mana pegangan ekuitinya dimiliki sepenuhnya oleh Universiti.
- 2.6 *Anak Syarikat* ertinya merujuk kepada syarikat yang ditadbir urus di bawah Syarikat Induk atau yang ditubuhkan selaras dengan keputusan UTM bagi menjalankan kuasa dan aktiviti UTM dan berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia selaras dengan Akta Syarikat 2016, di mana pegangan ekuitinya dimiliki sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya (melebihi 50%) oleh UTM. Ini termasuklah *Syarikat Berhad Menurut Jaminan*.
- 2.7 *Syarikat Subsidiari* ertinya syarikat yang ditubuhkan di bawah Anak Syarikat yang mempunyai saham melebihi 50%.
- 2.8 *Syarikat Hiliran* merujuk kepada syarikat yang ditubuhkan oleh staf Universiti dan yang mengeksplorasi harta intelek dengan kelulusan UTM.
- 2.9 *Calon* ertinya calon yang akan dipilih sebagai Ahli Lembaga Pengarah Anak Syarikat.
- 2.10 *Jawatankuasa Pemilih* ertinya jawatankuasa yang ditadbir urus oleh Anak Syarikat UTM bagi tujuan menerima senarai calon Ahli Lembaga Pengarah Anak Syarikat.

- 2.11 *Syarikat Berhad Menurut Jaminan* ertinya tanggungan ahli apabila syarikat digulungkan adalah setakat jaminan yang telah dipersetujui ahli sahaja.

3.0 PUNCA KUASA

- 3.1 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971
- 3.2 Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia
- 3.3 Pekeliling Perbendaharaan Malaysia W.P 7.4 Pelantikan Pengerusi Lembaga Pengarah Badan Berkanun Persekutuan Sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Dalam Anak Syarikat
- 3.4 Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 Garis Panduan Mengenai Peranan dan Tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif Dalam Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan.
- 3.5 Garis Panduan Pelaburan Untuk IPTA (April 2004)
- 3.6 Akta Syarikat 2016 (Akta 777)

Pengecualian : Mana-mana peruntukan kuasa yang tidak dinyatakan adalah tertakluk kepada kuasa Lembaga Pengarah Universiti dan/atau kelulusan Kementerian Kewangan.

4.0 PENGURUSAN SYARIKAT

4.1 Penubuhan Syarikat Induk Dan Anak Syarikat

- 4.1.1 Penubuhan Syarikat Induk dan Anak Syarikat hendaklah ditubuhkan melalui Lembaga Pengarah Universiti dengan kelulusan Menteri Kewangan, selaras Perkara 5(1)(b) Perlembagaan UTM dan tertakluk di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777].

Garis Panduan Tadbir Urus Anak Syarikat

- 4.1.2 Penubuhan Subsidiari adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Universiti dan dimaklumkan kepada Lembaga Pengarah Universiti
- 4.1.3 Bagi penubuhan Syarikat Hiliran pula adalah tertakluk kepada Garis Panduan Pemantauan dan Pentadbiran Syarikat Hiliran yang telah diluluskan.

4.2 Pemisahan Pengurusan dan Pentadbiran

- 4.2.1 Bagi mengelakkan perjalanan fungsi UTM sebagai Universiti Awam tidak terjejas, Anak Syarikat hendaklah mewujudkan kumpulan pengurusan yang terdiri dari pegawai dan staf tetap sendiri yang akan bertanggungjawab mengendalikan operasi harian anak syarikat sepenuhnya.
- 4.2.2 Pejabat Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) berfungsi sebagai penghubung antara anak syarikat dengan UTM dan bertanggungjawab kepada Lembaga Pengarah UTM melalui Naib Canselor berkaitan dasar penubuhan anak syarikat, aktiviti perniagaan dan menyediakan laporan kemajuan/prestasi anak syarikat.
- 4.2.3 Perancangan aktiviti dan program yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah Anak Syarikat yang melibatkan aset Universiti hendaklah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah Universiti.

4.3 Pelantikan Jawatan Ketua Eksekutif Dalam Anak Syarikat

Ketua Eksekutif hendaklah dilantik oleh Lembaga Pengarah Anak Syarikat setelah diluluskan Menteri berkaitan dengan perakuan Lembaga Pengarah Universiti. Ketua Eksekutif bertanggungjawab terhadap keseluruhan fungsi pengurusan dan operasi harian anak syarikat.

4.4 Pelantikan dan keanggotaan Wakil Universiti dalam Anak Syarikat**4.4.1 Komposisi Keahlian Ahli Lembaga Pengarah Anak Syarikat**

4.4.1.1 Keahlian Lembaga Pengarah Anak Syarikat hendaklah terdiri dari:

- i. Pengerusi;
- ii. Satu (1) orang ahli lantikan dari pengurusan Universiti jika jumlah ahli Lembaga Pengarah Anak Syarikat adalah tiga (3) orang;
- iii. Dua (2) orang ahli lantikan dari pengurusan Universiti jika jumlah ahli Lembaga pengarah Anak Syarikat adalah lima (5) atau lebih; dan
- iv. Satu (1) hingga enam (6) orang ahli lantikan luar dari Universiti yang hendaklah terdiri dari wakil industri atau agensi atau pesara atau alumni UTM yang pada pandangan Lembaga Pengarah Universiti mempunyai kepakaran dan pengalaman yang dapat membantu Lembaga Pengarah Anak Syarikat.

4.4.1.2 Jumlah minima Ahli Lembaga Pengarah Anak Syarikat adalah tiga (3) orang dan maksima seramai sembilan (9) orang.

4.4.1.3 Naib Canselor dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti hendaklah dikecualikan dari menjadi Pengerusi Lembaga Pengarah Anak Syarikat bagi mengelakkan konflik kepentingan.

4.4.1.4 Ahli Lembaga Pengarah Universiti boleh menjadi Pengerusi Lembaga Pengarah Anak Syarikat Universiti dengan kelulusan Menteri yang bertanggungjawab.

4.4.1.5 Semua perlantikan Pengerusi Lembaga Pengarah, Ahli Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif perlu mendapat kelulusan Menteri melalui sokongan Jawatankuasa Pengurusan Universiti dan perakuan Lembaga Pengarah Universiti.

4.4.1.6 Pelantikan wakil Universiti di dalam Syarikat UTM Holding adalah atas kapasiti sebagai Timbalan Naib Canselor (Pembangunan).

4.4.2 Fungsi Jawatankuasa Pemilih

4.4.2.1 Anak Syarikat Universiti hendaklah mewujudkan satu Jawatankuasa Pemilih yang berperanan:

- i. Mengenalpasti kebolehan serta ciri-ciri yang diperlukan dalam komposisi Lembaga Pengarah Anak Syarikat dan mencalonkan kepada Lembaga Pengarah Anak Syarikat.
- ii. Ahli Lembaga Pengarah Anak Syarikat haruslah terdiri dari Calon-Calon yang mempunyai kepelbagaiian penghususkan bidang kepakaran seperti perniagaan dan perdagangan, kewangan, perakaunan, perbankan, undang-undang, pemasaran, pengurusan dan kepakaran lain yang berkaitan dengan operasi anak syarikat dan dilantik bagi menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan anak syarikat.

4.4.3 Proses Pelantikan

4.4.3.1 Proses Kerja Pelantikan Calon Ahli Lembaga Pengarah Anak Syarikat adalah seperti di **Lampiran I**.

- i. Surat pelantikan Ahli Lembaga Pengarah Anak Syarikat akan dikeluarkan dan ditandatangani oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Anak Syarikat dengan disertakan terma dan syarat pelantikan.
- ii. Penamaan Calon Ahli Lembaga Pengarah Anak Syarikat hendaklah dikemukakan enam (6) bulan sebelum kekosongan keahlian.

4.4.4 Tempoh Jawatan

- 4.4.4.1 Pengerusi Lembaga Pengarah Anak Syarikat akan dilantik untuk tempoh selama tiga (3) tahun dan penyambungan tempoh pelantikan adalah selama tiga (3) tahun.
- 4.4.4.2 Ahli Lembaga Pengarah Anak Syarikat akan dilantik untuk tempoh selama tiga (3) tahun dan penyambungan tempoh pelantikan adalah selama dua (2) tahun.
- 4.4.4.3 Penyambungan semula selepas tempoh pelantikan kedua seperti dinyatakan di dalam perkara di atas adalah tertakluk kepada budi bicara Lembaga Pengarah Universiti dan kelulusan Menteri.

4.4.4.4 Penamatan dan Peletakan Jawatan

- a. Ahli Lembaga Pengarah Anak Syarikat adalah secara automatik tamat lantikan sebagai Ahli Lembaga Pengarah Anak Syarikat apabila tamat tempoh lantikannya.
- b. Bagi lantikan wakil pengurusan Universiti di dalam Lembaga Pengarah Anak Syarikat, pelantikan secara automatik tamat

apabila telah bersara wajib atau pilihan atau ditamatkan perkhidmatan oleh Universiti.

- c. Ahli Lembaga Pengarah Anak Syarikat boleh ditamatkan sekiranya Mesyuarat Lembaga Pengarah Anak Syarikat mendapati:
 - i. Diisyiharkan bankrap atau muflis oleh Mahkamah;
 - ii. Tidak hadir Mesyuarat Lembaga Pengarah Anak Syarikat tiga (3) kali berturut-turut kecuali atas sebab yang boleh diterima;
 - iii. Disabitkan atas pertuduhan jenayah dimana-mana Mahkamah; atau
 - iv. Gagal menjalankan tugas dan tanggungjawab seperti di dalam surat pelantikan.
- d. Ahli Lembaga Pengarah Anak Syarikat yang berhasrat meletak jawatan hendaklah mengemukakan notis bertulis tiga (3) bulan sebelum tarikh perletakan jawatan tersebut berkuatkuasa kepada Pengerusi Lembaga Pengarah Anak Syarikat.

4.4.5 Pengisyiharan Integriti

Ahli Lembaga Pengarah Anak Syarikat wajib mengelakkan kepentingan peribadi dengan mengisyiharkan konflik kepentingan semasa dalam tempoh pelantikan. Borang Perisyiharan Kepentingan adalah seperti di **Lampiran II**.

4.5 Penglibatan Staf Universiti

4.5.1 Staf Universiti boleh dilantik dalam pengurusan anak syarikat sama ada secara pinjaman atau pertukaran dengan mematuhi peraturan-peraturan Universiti dan Kerajaan yang sedang berkuatkuasa.

4.5.2 Peminjaman kepada anak syarikat.

4.5.2.1 Anak syarikat boleh menawarkan gaji, elaun dan kemudahan yang secara pakejnya tidak kurang baik (*no less favourable*) daripada emolumen di jawatan hakiki dengan mengambil kira jumlah gaji yang boleh diselaraskan.

4.5.2.2 Sekiranya anak syarikat tidak dapat menawarkan gaji, elaun dan kemudahan di atas, Universiti boleh menampung sebahagian atau kesemua nilai yang kurang itu tertakluk dengan persetujuan Universiti.

4.5.2.3 Sepanjang dalam tempoh peminjaman, pegawai akan diberi Pergerakan Gaji Tahunan secara isyarat di jawatan hakiki. Pergerakan Gaji Tahunan di jawatan pinjaman adalah tertakluk kepada kaedah yang diputuskan oleh anak syarikat.

4.5.2.4 Pegawai bertanggungjawab mengemukakan salinan laporan penilaian prestasi mereka kepada Universiti.

4.5.3 Pertukaran

Syarat lantikan tetap ke anak syarikat ditentukan oleh dasar anak syarikat berkenaan. Bagi maksud pemberian faedah persaraan, pegawai yang telah diberi taraf berpencen dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam

undang-undang pencen boleh memohon untuk bersara pilihan sendiri mengikut undang-undang pencen yang berkuatkuasa. Pegawai yang belum disahkan dalam perkhidmatan atau yang telah memilih Skim KWSP hendaklah meletak jawatan.

4.6 Panduan Pengurusan Anak Syarikat

4.6.1 Menyediakan strategi dan rancangan korporat.

Anak Syarikat perlu menyediakan dan mengemaskini strategi dan rancangan korporat selaras dengan objektif penubuhannya.

4.6.2 Mengawal dengan lebih rapi kos operasi yang tinggi.

Mengurangkan kos operasi selaras dengan peraturan berkaitan.

4.6.3 Menyediakan rancangan bagi menggabungkan aktiviti-aktiviti yang bertindih.

Penggabungan aktiviti yang bertindih bagi mengoptimumkan sumber.

4.6.4 Menyediakan rancangan bagi melupus atau menswastakan anak syarikat (*company listing*).

Lembaga bertanggungjawab melupus atau menswastakan anak syarikat demi kepentingan universiti bagi anak syarikat yang menghadapi masalah kewangan berterusan kecuali anak syarikat yang sedang atau disusun semula.

4.6.5 Mendapatkan pembiayaan projek dari sumber luar.

Lembaga Anak Syarikat bertanggungjawab mendapatkan projek berpotensi dan mendapatkan sumber pembiayaan dari luar tanpa pergantungan kepada Universiti.

5.0 AKTIVITI YANG BOLEH DIJALANKAN**5.1 Perancangan berkaitan perniagaan**

Skop dan jenis perniagaan hendaklah berkaitan dengan peranan dan fungsi universiti. Lembaga perlu melindungi nama baik dan kepentingan universiti dalam menentukan skop dan jenis perniagaan.

5.2 Strategi Korporat

Haruslah dibentang dan mendapat kelulusan Lembaga dan skopnya haruslah merangkumi strategi pemasaran, perancangan operasi, perancangan kewangan, pengurusan risiko dan lain-lain maklumat.

5.3 Aktiviti-aktiviti Anak Syarikat haruslah berteraskan peranan dan fungsi universiti serta mematuhi syariah.**5.4 Bagi aktiviti yang hendak dijalankan dan lain daripada yang dinyatakan, ianya mesti mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Universiti semula.****6.0 SUMBER KEWANGAN****6.1 Peruntukan dan Pembiayaan Modal**

Universiti tidak terikat menyumbang modal kepada perjalanan anak syarikat. Peratusan pegangan saham haruslah dinyatakan dengan jelas dalam anak syarikat sama ada secara penyertaan ekuiti, perkongsian atau usaha sama.

6.2 Pembiayaan Lain

Lembaga boleh membenarkan anak syarikat mendapatkan sumber pembiayaan dari luar bagi menggerakkan anak syarikat. Namun demikian, Universiti tidak akan bertanggungjawab atas segala pinjaman yang dibuat oleh anak syarikat.

7.0 PENGUNAAN FASILITI (ASET, KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN UNIVERSITI)**7.1 Fasiliti Universiti (Aset, Kemudahan dan Perkhidmatan)**

Universiti boleh membenarkan anak syarikat menggunakan kemudahan, aset dan perkhidmatan universiti tertakluk kepada peraturan yang sedang berkuatkuasa.

7.2 Caj Penggunaan

Caj adalah tertakluk kepada peraturan yang sedang berkuatkuasa.

7.3 Keutamaan Penggunaan

Penggunaan fasiliti universiti seperti aset, kemudahan dan perkhidmatan universiti adalah tertakluk kelulusan universiti dan selagi mana ianya tidak akan menjelaskan kepentingan dan kebajikan pelajar dan staf universiti.

8.0 SISTEM KAWALAN DAN PEMANTAUAN**8.1 Pengurusan Kewangan dan Akauntabiliti**

8.1.1 Anak syarikat adalah tertakluk kepada peraturan kewangan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 2016 dan hendaklah bertanggungjawab ke atas sebarang aktiviti yang dijalankan.

8.1.2 Universiti berhak untuk campur tangan ke atas pengurusan anak syarikat sekiranya aktiviti yang dijalankan menjelaskan kepentingan Universiti dan bertentangan dengan dasar Kerajaan yang berkuatkuasa.

8.2 Pengurusan Kawalan Anak Syarikat

- 8.2.1 Anak Syarikat hendaklah membentangkan perkara yang memerlukan kelulusan Lembaga melalui Jawatankuasa Pengurusan Universiti.
- 8.2.2 Pelaporan suku tahunan perlu dibuat yang melibatkan perjalanan aktiviti, pelaporan kewangan dan pengurusan risiko.

8.3 Tanggungjawab Lembaga Pengarah Anak Syarikat

- 8.3.1 Lembaga Pengarah Anak Syarikat perlu bertanggungjawab atas perjalanan anak syarikat, hala tuju dan dasarnya.
- 8.3.2 Lembaga Pengarah Anak Syarikat hendaklah membincangkan dan memperakukan segala aktiviti berkaitan perolehan, penjualan, laporan sukuan tahunan, pelantikan Juru Audit dan Laporan Prestasi Kewangan.
- 8.3.3 Lembaga Pengarah Anak Syarikat adalah bertanggungjawab kepada Lembaga Pengarah Universiti sepenuhnya.
- 8.3.4 Lembaga Pengarah Anak Syarikat juga tertakluk kepada terma dan syarat perlantikan oleh Anak Syarikat.

9.0 PENJANAAN PENDAPATAN

9.1 Sumbangan oleh Anak Syarikat

Anak Syarikat haruslah bersama-sama membantu universiti mengurangkan kebergantungan peruntukan kewangan mengurus kerajaan dan ianya boleh melalui dalam bentuk dividen, yuran pengurusan, sewaan dan lain-lain.

9.2 Bayaran Dividen Tahunan

Bertujuan memastikan anak syarikat berfungsi dengan baik dan berusaha meningkatkan keuntungan di masa depan.

9.3 Bayaran kepada Universiti

Bendahari Universiti Teknologi Malaysia akan menerima sumbangan dan bayaran bagi pihak Universiti.

10.0 MANFAAT KEPADA UTM DAN KOMUNITI**10.1 Peranan**

Anak Syarikat haruslah terlibat sama di dalam menyumbang kepada aktiviti komuniti dan menjadi penghubung bagi pihak universiti.

10.2 Manfaat


Sumbangan dalam bentuk penjanaan pendapatan, kepakaran, jalinan kepintaran strategik, jalinan kerjasama, pembudayaan budaya korporat.

11.0 Pembubaran Anak Syarikat

Pembubaran anak syarikat adalah perlu diluluskan di peringkat Lembaga melalui Jawatankuasa Pengurusan Universiti dan dimaklumkan kepada Kementerian dan Menteri.

RUJUKAN

- 3.1 Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia
- 3.2 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971
- 3.3 Pekeliling Perbendaharaan Malaysia W.P 7.4 Pelantikan Pengerusi Lembaga Pengarah Badan Berkanun Persekutuan Sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Dalam Anak Syarikat
- 3.4 Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 Garis Panduan Mengenai Peranan dan Tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif Dalam Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan.
- 3.5 Garis Panduan Pelaburan Untuk IPTA (April 2004)
- 3.6 Akta Syarikat 2016 (Akta 777)
- 3.7 Garis Panduan Tadbir Urus Anak Syarikat Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Lampiran I - CARTA ALIR PROSES PELANTIKAN AHLI LEMBAGA PENGARAH ANAK SYARIKAT


Lampiran II

PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Saya No.Kad Pengenalan..... adalah sesungguhnya dan sebenarnya mengisyiharkan bahawa:

- i. Saya tidak akan melibatkan diri saya dalam mana – mana amalan perlanggaran integriti dengan mana – mana pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam urusan Universiti,
- ii. Saya tidak akan bersubahat dengan mana – mana pihak sehingga boleh menjaskan ketelusan dan keadilan semasa membuat keputusan bagi urusan Universiti,
- iii. Saya tidak akan menggunakan kedudukan saya sebagai staf Universiti bagi faedah diri saya sendiri selaras dengan Akta Universiti Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia;
- iv. Saya tidak akan mendedahkan apa – apa maklumat sulit berkaitan urusan Universiti kepada mana – mana pihak selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88);
- v. Saya dengan ini mengisyiharkan bahawa tiada mana – mana anggota atau ahli keluarga terdekat yang mempunyai apa – apa kepentingan dalam mana – mana urusan Universiti; dan
- vi. Sekiranya ada sebarang percubaan rasuah daripada mana-mana pihak, saya akan membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah satu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694];

Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya melanggar mana – mana terma dalam Pengisyiharan Kepentingan ini, saya boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Badan – Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] oleh Pihak Berkuasa.

Nama	:
Tandatangan	:
Jawatan	:
Pusat Tanggungjawab	:
Tarikh	: